



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**19 NOVEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 543 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 228,030 kes. Sebanyak 15 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Beaufort, Kota Kinabalu dan Tuaran manakala masing-masing satu (1) kes di Keningau, Kota Belud, Kota Marudu, Kuala Penyu, Kudat, Penampang, Sandakan, Semporna dan Tawau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 476 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 217,064 orang. Manakala 1,712 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 649 orang di hospital, 1,048 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 15 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 74 orang merangkumi 71 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 76 (37.44%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tongod berubah daro zon jingga ke zon merah perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 22 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah jangkitan COVID-19 di Sabah hari ini tidak banyak berubah dengan kedudukan semalam. Jumlah hari ini ialah 543 kes, tambahan 2 kes daripada sebelumnya.
- b. Kota Kinabalu terus menjadi penyumbang utama kes-kes baharu di Sabah dengan 120 kes, 27 lebih banyak daripada kelmarin. Ranau dan Tuaran masing-masing mencatat 51 kes baharu. Hanya Penampang (40 kes) yg mencatat penurunan yang agak besar dengan -20 kes. Turun-naik kes di daerah-daerah lain adalah pada skala yang kecil. Semporna dan Kalabakan tidak mencatat kes baharu.
- c. Satu lagi kluster baharu yang melibatkan pelajar yang tinggal di asrama sekolah diisytiharkan di Tenom hari ini. Indeks kes Kluster Mantailang Atas adalah seorang pelajar yang tinggal di asrama SMK Tenom yang didapati positif COVID-19 setelah menjalani saringan pada 13/11/21. Saringan kontak rapat di kalangan rakan sekelas, rakan asrama dan keluarga kontak rapat mendapati 15 orang lagi telah dijangkiti COVID-19 setakat ini.
- d. Jumlah pesakit yang mengalami kesan serius akibat jangkitan COVID-19 kekal rendah. Daripada 543 kes yang dilaporkan hari ini, cuma seorang pesakit dalam Kategori 5, lima (5) orang dalam Kategori 4 dan tidak ada pesakit dalam Kategori 3. Bagi kes-kes jangkitan yang dianggap ringan, 466 orang pesakit atau 86% adalah dalam Kategori 2 dan 65 pesakit atau 12% adalah dalam Kategori 1. Kes yang melibatkan enam (6) pesakit masih dalam siasatan lanjut JKNS.
- e. Berdasarkan kes harian di Malaysia pada 18.11.2021, jangkaan kadar kebolehjangkitan COVID-19 atau  $R_0$  /  $RT$  bagi seluruh negara ialah 1.02 dan bagi negeri Sabah 0.97.

- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (303) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| <b>Bil.</b>   | <b>Kategori Saringan</b> | <b>Bilangan Kes</b> | <b>Peratusan</b> |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1             | Kluster                  | 1                   | 0.18%            |
| 2             | Bergejala                | 204                 | 37.57%           |
| 3             | Kontak                   | 303                 | 55.80%           |
| 4             | Bersasar                 | 0                   | 0.00%            |
| 5             | Lain-lain Saringan       | 35                  | 6.44%            |
| <b>JUMLAH</b> |                          | <b>543</b>          | <b>100%</b>      |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (18 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| <b>Bil.</b>   | <b>Daerah</b> | <b>Catatan Kes<br/>18/11/2021</b> | <b>Catatan Kes<br/>19/11/2021</b> | <b>Perbandingan</b> |
|---------------|---------------|-----------------------------------|-----------------------------------|---------------------|
| 1             | Kota Kinabalu | 93                                | 120                               | +27                 |
| 2             | Kota Belud    | 29                                | 47                                | +18                 |
| 3             | Ranau         | 38                                | 51                                | +13                 |
| 4             | Keningau      | 11                                | 19                                | +8                  |
| 5             | Beluran       | 6                                 | 14                                | +8                  |
| 6             | Tongod        | 0                                 | 7                                 | +7                  |
| 7             | Tawau         | 11                                | 16                                | +5                  |
| 8             | Lahad Datu    | 2                                 | 7                                 | +5                  |
| 9             | Tambunan      | 11                                | 15                                | +4                  |
| 10            | Telupid       | 0                                 | 4                                 | +4                  |
| 11            | Pitas         | 7                                 | 9                                 | +2                  |
| 12            | Kunak         | 1                                 | 3                                 | +2                  |
| 13            | Putatan       | 16                                | 17                                | +1                  |
| 14            | Kalabakan     | 0                                 | 1                                 | +1                  |
| 15            | Tenom         | 45                                | 19                                | -26                 |
| 16            | Penampang     | 60                                | 40                                | -20                 |
| 17            | Beaufort      | 32                                | 18                                | -14                 |
| 18            | Kota Marudu   | 33                                | 23                                | -10                 |
| 19            | Tuaran        | 56                                | 51                                | -5                  |
| 20            | Sandakan      | 14                                | 9                                 | -5                  |
| 21            | Nabawan       | 7                                 | 2                                 | -5                  |
| 22            | Kinabatangan  | 13                                | 9                                 | -4                  |
| 23            | Kudat         | 12                                | 8                                 | -4                  |
| 24            | Sipitang      | 9                                 | 5                                 | -4                  |
| 25            | Semporna      | 3                                 | 0                                 | -3                  |
| 26            | Kuala Penyu   | 3                                 | 1                                 | -2                  |
| 27            | Papar         | 29                                | 28                                | -1                  |
| <b>JUMLAH</b> |               | <b>541</b>                        | <b>543</b>                        | <b>+2</b>           |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah        | Kategori Kes     |                 |                    |                   |                    | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari (05 November – 18 November) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|---|
|               | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan |                     |   |
| Kota Kinabalu | 0                | 68              | 44                 | 0                 | 8                  | 120                 | 998   |
| Tuaran        | 0                | 35              | 13                 | 0                 | 3                  | 51                  | 736   |
| Ranau         | 0                | 32              | 16                 | 0                 | 3                  | 51                  | 561   |
| Kota Belud    | 0                | 36              | 10                 | 0                 | 1                  | 47                  | 596   |
| Penampang     | 0                | 17              | 23                 | 0                 | 0                  | 40                  | 432   |
| Papar         | 0                | 16              | 11                 | 0                 | 1                  | 28                  | 328   |
| Kota Marudu   | 0                | 4               | 19                 | 0                 | 0                  | 23                  | 462   |
| Tenom         | 1                | 14              | 4                  | 0                 | 0                  | 19                  | 342   |
| Keningau      | 0                | 7               | 11                 | 0                 | 1                  | 19                  | 262   |
| Beaufort      | 0                | 6               | 11                 | 0                 | 1                  | 18                  | 474   |
| Putatan       | 0                | 7               | 8                  | 0                 | 2                  | 17                  | 195   |
| Tawau         | 0                | 7               | 5                  | 0                 | 4                  | 16                  | 183   |
| Tambunan      | 0                | 11              | 2                  | 0                 | 2                  | 15                  | 245   |
| Beluran       | 0                | 11              | 1                  | 0                 | 2                  | 14                  | 122   |
| Sandakan      | 0                | 6               | 3                  | 0                 | 0                  | 9                   | 175   |
| Kinabatangan  | 0                | 6               | 3                  | 0                 | 0                  | 9                   | 151   |
| Pitas         | 0                | 3               | 6                  | 0                 | 0                  | 9                   | 132   |
| Kudat         | 0                | 0               | 7                  | 0                 | 1                  | 8                   | 206   |
| Lahad Datu    | 0                | 2               | 2                  | 0                 | 3                  | 7                   | 128   |
| Tongod        | 0                | 7               | 0                  | 0                 | 0                  | 7                   | 45  |
| Sipitang      | 0                | 1               | 3                  | 0                 | 1                  | 5                   | 134   |
| Telupid       | 0                | 3               | 1                  | 0                 | 0                  | 4                   | 79  |
| Kunak         | 0                | 2               | 1                  | 0                 | 0                  | 3                   | 19  |
| Nabawan       | 0                | 1               | 0                  | 0                 | 1                  | 2                   | 27  |
| Kuala Penyu   | 0                | 1               | 0                  | 0                 | 0                  | 1                   | 79  |
| Kalabakan     | 0                | 0               | 0                  | 0                 | 1                  | 1                   | 10  |
| Semporna      | 0                | 0               | 0                  | 0                 | 0                  | 0                   | 14  |
| <b>JUMLAH</b> | <b>1</b>         | <b>303</b>      | <b>204</b>         | <b>0</b>          | <b>35</b>          | <b>543</b>          | <b>7,135</b>                                      |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah        | Nama Kluster            | Jumlah Kes Baharu |
|---------------|-------------------------|-------------------|
| Tenom         | Kluster Mantailang Atas | 1                 |
| <b>Jumlah</b> |                         | <b>1</b>          |

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Mantailang Atas - Tenom** dikategorikan sebagai kluster institusi pendidikan. Kes indeks adalah pelajar lelaki, 19, tinggal di asrama di SMK Tenom. Kes indeks yang mula bergejala sejak 11 November 2021 kemudiannya didapati positif COVID-19 setelah menjalani saringan pada 13 November 2021. Saringan sama seterusnya dijalankan terhadap kontak rapat indeks kes yang terdiri dari rakan sekelas, rakan asrama serta keluarga dan berjaya mengesan 15 lagi kes menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 16 kes termasuk satu (1) kes baharu yang dilaporkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 5,537 unit

- Hospital 1,413 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,554 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.92%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 19 NOVEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

| <b>Import/Tempatan</b>             |            |
|------------------------------------|------------|
| Tempatan                           | 536        |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0          |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah)    | 0          |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan       | 7          |
| <b>Jumlah</b>                      | <b>543</b> |

### ii. Kewarganegaraan

| <b>Kewarganegaraan</b> |            |
|------------------------|------------|
| Malaysia               | 523        |
| Bukan Malaysia         | 20         |
| <b>Jumlah</b>          | <b>543</b> |

### iii. Status Vaksinasi

| <b>Status Vaksinasi</b>       |            |
|-------------------------------|------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 12) | 114        |
| Belum Menerima Vaksin         | 56         |
| Menerima 1 Dos                | 7          |
| Lengkap 2 Dos                 | 366        |
| <b>Jumlah</b>                 | <b>543</b> |

### iv. Umur

| <b>Umur (Tahun)</b> |            |
|---------------------|------------|
| <1                  | 8          |
| 1 to 5              | 52         |
| 6 to 11             | 54         |
| 12 to 17            | 26         |
| 18 to 25            | 74         |
| 26 to 59            | 280        |
| >60                 | 49         |
| <b>Jumlah</b>       | <b>543</b> |



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 18 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 5,306 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,553 orang adalah penduduk dewasa dan 753 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 18 November 2021 adalah seramai 2,436,370 orang. Ini meliputi 2,103,652 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.26% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,381,159 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,077,766 orang atau 75.33% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,718 orang atau 76.66% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 303,393 atau 69.91% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **676,822** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,770 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 12 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Dua (2) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
  - Tiga (3) Orang : Pemilik Premis Beroperasi Lebih Masa Tanpa Kebenaran.
  - Tujuh (7) Orang : Lain-Lain Kesalahan Tidak Tersenarai.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 173 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 33 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat kerana melakukan kesalahan Akta Kawasan Larangan Tempat Larangan 1959.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 989 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 557 premis perniagaan dan 731 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 315 Premis Perniagaan melibatkan 170 anggota APM. Sebanyak 12 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan lima (5) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 28 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 100 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5 %** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| <b>BIL</b> | <b>DAERAH</b> | <b>PERATUS</b> |
|------------|---------------|----------------|
| 1          | Beaufort      | 98.8%          |
| 2          | Papar         | 98.7%          |
| 3          | Beluran       | 98.7%          |
| 4          | Kudat         | 98.7%          |
| 5          | Keningau      | 98.6%          |
| 6          | Penampang     | 98.6%          |
| 7          | Sipitang      | 98.6%          |
| 8          | Semporna      | 98.5%          |
| 9          | Tawau         | 98.5%          |
| 10         | Kunak         | 98.5%          |
| 11         | Kota Marudu   | 98.5%          |
| 12         | Kinabatangan  | 98.5%          |
| 13         | Lahad Datu    | 98.4%          |
| 14         | Sandakan      | 98.4%          |
| 15         | Kota Belud    | 98.2%          |
| 16         | Tenom         | 98.3%          |
| 17         | Kota Kinabalu | 98.1%          |
| 18         | Ranau         | 98%            |
| 19         | Tuaran        | 98%            |

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**